

# 'Kesian ibu awak'

Wanita menangis dengar nasihat majistret kepada anak mengaku curi arak

H-M 27/06/08 M/S 28

MAHKAMAH



>>Oleh Erywan Norshal

erywan@hmetro.com.my

belum membebaskan Mohd Syafiq Syazwan Abd Aziz, 20, dengan bon berkelakuan baik selama tiga tahun bersama jaminan RM3,000 tanpa cagaran bersama seorang penjamin selepas tertuduh mengaku bersalah mencuri dua botol arak, tiga bulan lalu.

Teguran Nazran terhadap remaja terbabit menyebabkan ibunya yang duduk di galeri awam mengesat air mata apabila anak sulungnya membuat aku janji tidak akan mengulangi kesalahan itu.

Mengikut pertuduhan, Mohd Syafiq yang bekerja sebagai penghantar surat didakwa mencuri dua botol minuman keras jenama Guinness yang bernilai RM30.40 milik sebuah kedai serbaneka di Bandar Sri Permaisuri, Cheras, dekat sini, pada 10 malam, 27 Mac lalu.

Akibat tindakannya itu,

Mohd Syafiq didakwa mengikut Seksyen 380 Kanun keseksaan dan boleh dihukum maksimum penjara 10 tahun dan denda, jika disabit kesalahan.

Mengikut fakta kes, pada 27 Mac lalu, jam 10 malam, ketika pengadu bertugas di kedai serbaneka di Bandar Sri Permaisuri, ternampak tertuduh dalam keadaan mencurigakan dengan memasukkan sesuatu ke dalam jaketnya.

Selepas memasukkan sesuatu dalam jaketnya, tertuduh terus beredar sebelum melarikan diri apabila pengadu memanggilnya untuk membuat pemeriksaan.

Pengadu mengejar tertuduh dengan dibantu orang awam yang berada di kawasan berkenaan sebelum menangkapnya dan hasil pemeriksaan mendapati dia gagal membuat pembayaran

dua botol minuman keras Guinness.

Terdahulu, Pegawai Pendakwa Cif Inspektor Afandi Kasiman memberitahu mahkamah, tertuduh tidak mempunyai kesalahan lampau dan minta dikenakan hukuman setimpal.

Bagaimanapun, peguam Rosmira Embong yang mewakili Mohd Syafiq memberitahu anak guamnya berubah perangai sejak bapanya meninggalkan keluarga ketika dia berumur 15 tahun.

"Walaupun anak guam saya memperoleh gaji RM700 sebulan, dia turut membantu menyara tiga adiknya yang masih bersekolah.

"Saya difahamkan, tertuduh sudah menerima balasan akibat kesalahannya itu apabila dia dipukul orang awam pada hari kejadian," katanya.

**K**UALA LUMPUR: "Kesian ibu awak terpaksa datang ke mahkamah kerana awak mencuri dua botol arak...tidak rasa berdosa atau kesian kepada ibu kamu?"

"Saya tidak mahu tengok muka dan kelibat kamu lagi di mahkamah selepas ini dan jangnan menjadikan alasan tiada bapa menyebabkan perangai awak berubah," kata Majistret Nazran Mohd Sham di Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Nazran berkata demikian se-